

PREAMBLES

Bil	Huraian
	<p><u>PREAMBLES</u></p> <p>A <u>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</u></p> <p>1 Petender akan menanggung Fi Perkhidmatan Bagi Pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada LAMPIRAN A dalam Arahan Kepada Petender.</p> <p><u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</u></p> <p>1 Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya.</p> <p>2 Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan jadual kadar harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja pembaikan mengikut spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan di dalam jadual kadar harga ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekira terdapat permasalahan di tapak.</p> <p>3 Bayaran akan dibuat berdasarkan arahan kerja dan senarai kuantiti yang telah diberi dan kuantiti sebenar di tapak setelah kerja-kerja siap dijalankan. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kuantiti akhir yang akan diukur dan dipersetujui bersama kontraktor atau wakilnya dan Juruukur Bahan Majlis Perbandaran Subang Jaya atau wakilnya.</p> <p>4 Setiap kerja-kerja yang dijalankan adalah termasuk upah buruh bagi membuka, meroboh, menanggal, menyediakan, membekal, memasang dan membina di tapak melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Dokumen Kontrak tersebut.</p>

Bil	Huraian
	<u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (Samb)</u>
5	Setiap kerja yang dijalankan, perlu mematuhi arahan, spesifikasi dan standard Majlis . Sekiranya terdapat kecacatan atau kerosakan disebabkan oleh kesilapan kontraktor, Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa berhak menolak kerja tersebut secara bertulis. Kerja pembaikan semula perlu dijalankan oleh kontraktor tanpa mendapat bayaran tambahan dari Majlis .
6	Kontraktor perlu mengemukakan satu salinan kad hijau CIDB yang belum tamat tempoh bagi dirinya dan setiap pekerja berdaftar dengan syarikatnya yang akan menjalankan tugas dilokasi bagi kerja yang dinyatakan di atas. Ia perlu dikemukakan bersekali dengan dokumen sebut harga sebagai salinan yang telah diakui sah.
7	Kontraktor perlu mengemukakan kad hijau CIDB asal yang belum tamat tempoh bagi dirinya dan setiap pekerja berdaftar dengan syarikatnya yang akan menjalankan tugas dilokasi bagi kerja yang dinyatakan di atas. Ia perlu dibawa untuk pengesahan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya pada mesyuarat pertama pemilikan tapak yang akan diberitahu kelak.
8	Sekiranya pada bila-bila masa, terdapat pekerja kontraktor yang didapati tidak memiliki kad hijau yang sah, pekerja tersebut tidak akan dibenarkan memasuki kawasan kerja sehingga dia memilikinya. Kegagalan kontraktor mematuhi syarat ini akan membolehkan pihak Jabatan mengeluarkan 'notis pemberhentian kerja'. 'Notis penyambungan kerja' akan dikeluarkan apabila pihak kontraktor telah mematuhi syarat-syarat ini.
9	Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan dan but keselamatan selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor di denda sebanyak RM 50.00 bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan pada jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada jabatan.
10	Kontraktor perlu meletakkan seorang penyelia tapak sepenuh masa bagi memantau semua kerja pembaikan yang akan dijalankan. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan segera.
11	Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.
12	Kuantiti yang dinyatakan (sekiranya ada) adalah merupakan kuantiti sementara dan pengiraan kuantiti sebenar adalah merujuk kepada kerja sebenar di tapak berdasarkan arahan kerja yang diberi oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya .